

Ruj.Kami : ANM.PK.KPP/600-3/1(20)  
Tarikh : 31 Januari 2024

Assalamualaikum/ Salam Sejahtera,

YBhg Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 5 TAHUN 2024  
HAD KEKERAPAN PENGGUNAAN ONE TIME VENDOR(OTV) DI iGFMAS**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana Surat Edaran BPOPP Bilangan 2 Tahun 2023 bertarikh 29 Mac 2023, kekerapan penggunaan One Time Vendor (OTV) di bawah kod vendor 10001 dan 10009 di sistem iGFMAS dihadkan sebanyak tiga (3) kali. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada ketetapan terkini iaitu sebagaimana yang diputuskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 1 Tahun 2024 bertarikh 30 Januari 2024, kekerapan penggunaan One Time Vendor (OTV) bagi kod vendor 10001 dan 10009 di sistem iGFMAS dihadkan sebanyak **SEKALI (1)** sahaja untuk setiap ID penerima bayaran bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam tempoh setahun selari dengan objektif dan perihal one time vendor mengambil kira kawalan ke atas risiko penggunaan OTV.

3. Ini bagi memastikan penggunaan OTV adalah terkawal penggunaannya kepada keperluan operasi tertentu sahaja. Kod vendor OTV selain 10001 dan 10009 seperti di Lampiran 1 tidak terlibat dengan had ini kerana kod vendor diwujudkan bagi penggunaan sistem yang berintegrasi.

4. Pelaksanaan ini berkuatkuasa pada **1 Februari 2024** dan sekiranya penggunaan OTV melebihi sekali dalam tempoh setahun untuk setiap ID penerima berkenaan, Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mewujudkan kod vendor yang bersesuaian untuk meneruskan bayaran.

5. Surat edaran ini membatalkan Surat Edaran BPOPP Bilangan 2 Tahun 2023 bertarikh 29 Mac 2023.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendiigitalan"***

**UNIT KHIDMAT PENGURUSAN PELANGGAN, JANM PERAK  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK  
31 JANUARI 2024**